



KENYATAAN MEDIA
EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI
SELANGOR

SELANGOR MELANCARKAN SIDANG WANITA SELANGOR 2025/2026 UNTUK
MEMPERKUKUH PENGLIBATAN WANITA DALAM PEMBUATAN DASAR

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Wanita Berdaya Selangor (WBS) telah melancarkan Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025/2026, sebuah inisiatif strategik yang berfungsi sebagai platform pembangunan kepimpinan wanita bagi memperkukuh penyertaan wanita dalam proses pembuatan dasar dan keputusan.
2. Program SIWANIS kali ini, yang memasuki kohort keempat pelaksanaannya, turut menerima sokongan dana daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Program Perantis 2025, sekali gus memperkukuh usaha melahirkan pelapis wanita berkemahiran serta bersedia menyumbang dalam pembangunan dasar.
3. Dengan peserta seramai 56 orang, SIWANIS 2025/2026 kali ini memfokuskan penyertaan kepada alumni SIWANIS dan aktivis-aktivis politik, sebagai latihan pengukuhan buat pemimpin-pemimpin wanita bagi merealisasikan visi SIWANIS untuk meningkatkan representasi wanita dalam pembuatan dasar dan undang-undang menjelang pilihanraya akan datang.
4. Antara fokus utama SIWANIS 2025/2026 ialah:
 - a. Kepentingan pembinaan dasar yang peka gender;
 - b. Pengenalan dan pengukuhan kefahaman proses pembuatan dasar;
 - c. Penegasan peranan Ahli Dewan Negeri sebagai penggubal dasar; serta
 - d. Pembangunan kepimpinan wanita melalui modul latihan berstruktur.
5. Inisiatif ini dijangka meningkatkan penglibatan wanita dalam pembuatan dasar dan menyumbang kepada pembinaan Selangor yang lebih inklusif, progresif dan berdaya saing menjelang 2030 selaras dengan Matlamat 4 Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024–2026, iaitu mempercepatkan penyertaan, perwakilan, dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita.

YB ANFAAL BINTI SAARI

9 Disember 2025